

20/09/2003

Hudud Pas tidak tepati hukum Tuhan

KUALA LUMPUR: Hukum hudud Pas yang diperkenalkan di Kelantan dan Terengganu adalah undang-undang ala parti pembangkang dan tidak menepati hukum Tuhan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Presiden Umno berkata, Majlis Tertinggi (MT) yang membincangkan perkara itu pada mesyuaratnya semalam berpendapat hudud Pas bukan hukum Allah kerana ia sering dipinda apabila ada orang mempersoalkannya.

"Mereka sering membuat pindaan. Bahkan mengenai kes liwat isteri pun mereka berkata mereka mungkin meminda undang-undang ini.

"Ini jelas sekali menunjukkan hudud Pas ini bukan undang-undang Tuhan. Ini adalah undang-undang parti Pas, parti politik yang ingin mencari sokongan bagi diri mereka.

"Bila didapati sesuatu itu tidak disukai oleh orang ramai, maka mereka memindanya, sedangkan undang-undang Tuhan tidak boleh dipinda. Sebab itu kita berpendapat bahawa hudud Pas bukan hudud Allah," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan MT.

Mengenai tindakan pemimpin Pas yang masih mempertikaikan keputusan beliau untuk bersara serta menyerahkan kepimpinan parti dan kerajaan kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi selepas Oktober ini, Dr Mahathir berkata, semua kenyataan yang benar tidak bermakna kepada Pas.

"Dengan Pas kalau kita tunjuk kertas ini putih (sambil mengangkat kertas), dia tetap akan kata kertas ini hitam kerana mereka fikir ia hitam. Kalau saya kata berhenti... bermakna berhentilah tapi mereka masih kata saya tidak akan berhenti.

"Kenyataan tidak ada makna pada Pas, yang bermakna pada mereka adalah pendapatnya," katanya.